

MCSB dijual atas dasar sanggup jual sanggup beli

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Penjualan ekuiti MAS Catering Sdn. Bhd. (MCSB) oleh Penerbangan Malaysia (MAS) dibuat berdasarkan prinsip sanggup beli sanggup jual, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, penjualan yang dibuat melalui Perjanjian Penjualan Saham pada 30 Julai lalu telah ditandatangani antara MCSB dengan Gubahan Saujana Sdn. Bhd. (GSSB).

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan memberitahu, di bawah perjanjian itu, sebanyak 70 peratus ekuiti MAS dalam MCSB dijual pada harga RM175 juta kepada GSBB yang dimiliki 51 peratus oleh Fahim Capital Sdn. Bhd. dan 41 peratus lagi oleh LSG Asia GmbH.

“LSG Asia GmbH ialah sebuah syarikat milik penuh LSG Service Holding AG iaitu salah sebuah penyedia sajian pesawat bertaraf antarabangsa yang beroperasi di 200 lokasi dalam semua benua,” katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Husam Musa (Pas-Kubang Kerian) yang diedarkan kepada pemberita pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Husam dalam soalnya meminta penjelasan sama ada benar MAS telah menjual pegangannya ke atas MAS Catering kepada syarikat yang ada kaitan dengan Ibrahim Ahmad Badawi.

Menurut Dr. Mahathir, persoalan siapa pemegang saham syarikat yang akan mengambil alih ekuiti MCSB seperti yang turut dibangkitkan oleh Husam tidak timbul sama sekali.

Kata Perdana Menteri, penjualan ekuiti tersebut dibuat berdasarkan dua faktor iaitu MCSB merupakan aset bukan teras bagi MAS.